



GARIS PANDUAN

KURSUS PENGESAHAN
PEMANDU PELANCONG BERLESEN

GARIS PANDUAN

KURSUS PENGESAHAN PEMANDU PELANCONG BERLESEN 2025

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini adalah untuk menjelaskan syarat-syarat kelayakan dan prosedur permohonan serta pelaksanaan Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong Berlesen kepada calon dan pelaksana kursus.
- 1.2 Objektif garis panduan ini adalah untuk:
 - 1.2.1 menjelaskan syarat-syarat kelayakan kepada calon yang berminat untuk mengikuti Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong Berlesen;
 - 1.2.2 memastikan prosedur pelaksanaan kursus difahami dengan jelas dan dipatuhi sepenuhnya oleh calon dan pelaksana kursus; dan
 - 1.2.3 menjadi panduan seragam kepada semua calon dan pelaksana kursus.

2. PENGENALAN

- 2.1 Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong Berlesen merupakan kursus yang wajib dihadiri oleh Pemandu Pelancong Bandar (Tahap 3) dan RSTG Sabah/Sarawak (Tahap 3) yang berlesen di bawah MOTAC bagi menukar status lesen percubaan kepada tetap.
- 2.2 Calon perlu menghadiri kursus dengan jayanya serta lulus peperiksaan yang dilaksanakan oleh MOTAC.

3. TAFSIRAN

AIP	Akta Industri Pelancongan
BPI	Bahagian Pembangunan Industri
BPPP	Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
BDK	Bahagian Dasar Kebudayaan
ILP	Institut Latihan Pelancongan
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MTGC	<i>Malaysian Tourist Guides Council</i>

ROS	<i>Registrar of Societies Malaysia</i>
RSTG	<i>Regional Specific Tourist Guide</i>
TM	Tourism Malaysia (Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia)

4. PELAKSANAAN KURSUS

4.1 Pelaksana Kursus

- 4.1.1 Pelaksana kursus adalah ILP atau Persatuan Pemandu Pelancong Berlesen yang berdaftar dengan ROS.
- 4.1.2 Peperiksaan hanya akan dilaksanakan oleh ILP atau Persatuan Pemandu Pelancong sahaja.

4.2 Tanggungjawab ILP dan Persatuan Pemandu Pelancong

- 4.2.1 Bertanggungjawab sebagai pentadbir dan fasilitator bagi urusan Kursus Pengesahan di ILP atau persatuan masing-masing;
- 4.2.2 Bertanggungjawab untuk melaksanakan kursus mengikut tarikh yang diluluskan oleh BPI, MOTAC; dan
- 4.2.3 Memastikan pelaksanaan kursus telah mendapat kelulusan dari BPI, MOTAC.

4.3 Premis Pelaksanaan Kursus

- 4.3.1 Kursus hendaklah dilaksanakan secara fizikal di premis ILP atau persatuan.
- 4.3.2 Pelaksanaan kursus di luar premis hendaklah mendapat kelulusan daripada BPI, MOTAC.

4.4 Yuran Kursus

Yuran kursus adalah di bawah penetapan oleh pelaksana kursus.

4.5 Tempoh Kursus

Tempoh pelaksanaan kursus adalah sekurang-kurangnya 30 jam tidak termasuk hari peperiksaan.

4.6 Peperiksaan

Peperiksaan melibatkan Bahagian Praktikal sahaja.

4.7 Laporan Pemarkahan Peperiksaan Bahagian Praktikal oleh Panel Pemeriksa

Laporan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pemantau MOTAC dengan serta-merta setelah tamat peperiksaan Bahagian Praktikal. Salinan digital melalui pautan: <https://www.motac.gov.my/program/kursus/pemandu-pelancong>

5. SYARAT-SYARAT MENGIKUTI KURSUS

- 5.1 Kursus ini hanya terpakai bagi Pemandu Pelancong yang memegang lesen Pemandu Pelancong Bandar & RSTG Sabah/Sarawak **berstatus Percubaan sahaja**;
- 5.2 Calon perlu menduduki kursus dan lulus peperiksaan setelah genap 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun dari tarikh dilesenkan;
- 5.3 Lesen pemanduan masih aktif (belum tamat tempoh);
- 5.4 Sihat secara fizikal, mental dan bebas daripada penyakit berjangkit; dan
- 5.5 Bebas dan tidak mempunyai rekod jenayah.

6. PENDAFTARAN MENGIKUTI KURSUS

- 6.1 Calon yang berminat untuk mengikuti kursus perlu berdaftar pelaksana kursus seperti di Para 4.1.1.
- 6.2 Pelaksana kursus perlu mengemukakan permohonan pelaksanaan kursus dengan menyertakan bersama dokumen berikut:
 - 6.2.1 surat permohonan pelaksanaan kursus;
 - 6.2.2 jadual lengkap kursus termasuk tarikh, tajuk-tajuk ceramah, lokasi kursus, nama penceramah dan fasilitator;
 - 6.2.3 senarai nama dan butiran calon kursus;
 - 6.2.4 salinan kad pengenalan calon;
 - 6.2.5 salinan Kad Kuasa Pemandu Pelancong calon;

- 6.2.6 salinan resit fi proses pembaharuan lesen sekiranya lesen telah tamat tempoh dan masih dalam proses pembaharuan; dan
 - 6.2.7 senarai nama panel pemeriksa beserta salinan kad pengenalan, Kad Kuasa pemandu pelancong dan biodata pemeriksa.
- 6.3 Semua dokumen kursus di para 6.2 perlu dikemukakan kepada BPI, MOTAC selewat-lewatnya 30 hari bekerja sebelum pelaksanaan kursus.
- 6.4 Kebenaran pelaksanaan kursus akan dikeluarkan kepada pelaksana kursus dalam tempoh 14 hari bekerja setelah dokumen lengkap diterima.
- 6.5 Kursus hendaklah dijalankan mengikut tarikh dan jadual yang diluluskan sahaja **KECUALI** telah mendapat kebenaran dari BPI, MOTAC untuk dijalankan pada tarikh lain.
- 6.6 Sebarang pelaksanaan kursus tanpa kelulusan dari BPI, MOTAC adalah menyalahi peraturan AIP 1992 dan tidak disahkan oleh MOTAC.

7. PEPERIKSAAN

7.1 Pendaftaran Menduduki Peperiksaan

Calon yang telah mengikuti kursus dengan sepenuhnya akan didaftarkan untuk menduduki peperiksaan.

7.2 Pelaksanaan Peperiksaan

7.2.1 Peperiksaan Praktikal terbahagi kepada dua (2) seksyen mengikut kategori lesen Pemandu Pelancong masing-masing melibatkan:

7.2.1.1. Pemandu Pelancong Bandar:

BIL.	SEKSYEN	MINIMUM MARKAH LULUS (%)	JUMLAH MARKAH PENUH (%)
1.	Seksyen 1: Lisan dan Slaid	30	40
2.	Seksyen 2: Ujian Pemanduan Lapangan (<i>Coach Commentary</i>)	50	60
JUMLAH		80	100

7.2.1.2. Pemandu Pelancong RSTG Sabah/Sarawak:

BIL.	SEKSYEN	MINIMUM MARKAH LULUS (%)	JUMLAH MARKAH PENUH (%)
1.	Seksyen 1: Lisan dan Slaid	30	40
2.	Seksyen 2: Ujian Pemanduan Lapangan (<i>Coach Commentary</i>) - <i>City Tour Interpretation</i> - <i>Nature Walk Thematic Interpretation</i>	50 (25) (25)	60 (30) (30)
JUMLAH		80	100

7.2.2 Kriteria penilaian bagi Seksyen 1 dan 2 adalah seperti berikut:

- | | |
|----------------------------------|--------|
| (i) Personaliti diri | : 10% |
| (ii) Keyakinan diri | : 15% |
| (iii) Kemahiran bahasa | : 15% |
| (iv) Pengetahuan produk | : 25% |
| (v) Kebolehan meningkatkan minat | : 35% |
| Jumlah markah keseluruhan | : 100% |

- 7.2.3** Calon perlu menduduki peperiksaan dalam bahasa pemanduan yang didaftarkan atau ditambah sahaja.
- 7.2.4** Peperiksaan Praktikal hendaklah diadakan sehari selepas tamat kursus melainkan telah mendapat kebenaran daripada BPI, MOTAC untuk diadakan pada tarikh lain.
- 7.2.5** Keputusan peperiksaan akan diumumkan kepada pelaksana kursus dalam tempoh 5 hari bekerja bermula dari tarikh penerimaan kelulusan keputusan peperiksaan oleh Pesuruhjaya Pelancongan mengikut kategori berikut:
- i. calon lulus - Sijil Penyertaan Kursus & Surat Makluman Keputusan; dan
 - ii. calon gagal - Surat Makluman Keputusan sahaja.
- 7.2.6** Keputusan peperiksaan akan dimaklumkan kepada calon melalui pelaksana kursus.

7.3. Peperiksaan Ulangan

- 7.3.1 Calon yang gagal perlu mengulang semula peperiksaan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh peperiksaan akhir yang diduduki tanpa perlu mengikuti semula kursus.
- 7.3.2 Calon mengulang yang telah melebihi tempoh masa satu (1) tahun, perlu mengikuti semula kursus sebelum menduduki peperiksaan.
- 7.3.3 Pelaksana kursus perlu mengemukakan butiran berikut kepada BPI bagi permohonan pendaftaran peperiksaan calon mengulang:
 - i. salinan kad pengenalan calon; dan
 - ii. salinan surat keputusan peperiksaan yang terdahulu.

8. PANEL PEMERIKSA

- 8.1 Pelaksana kursus perlu mengemukakan cadangan panel pemeriksa bagi Peperiksaan Praktikal kepada BPI, MOTAC untuk kelulusan. Hanya panel pemeriksa yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk membuat penilaian semasa peperiksaan.
- 8.2 Panel pemeriksa perlu memenuhi kelayakan seperti berikut:
 - i. merupakan pemandu pelancong berlesen mengikut kategori;
 - ii. memiliki lesen pemanduan yang sah dalam bahasa pemanduan yang dinilai;
 - iii. memiliki pengalaman dan perkhidmatan pemanduan yang baik sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun dan ke atas; dan
 - iv. tidak memegang sebarang jawatan dalam ILP atau persatuan yang melaksanakan kursus.
- 8.3 Pelaksana kursus perlu mencadangkan dua (2) orang calon pemeriksa bagi setiap satu (1) bahasa pemanduan yang dinilai kepada BPI untuk kelulusan. Hanya panel pemeriksa yang diluluskan sahaja boleh membuat penilaian semasa peperiksaan.

9. PEGAWAI PEMANTAU

- 9.1. Pelaksanaan peperiksaan hendaklah dipantau oleh pegawai MOTAC.
- 9.2. Peranan Pegawai Pemantau adalah:
 - 9.2.1 memastikan pelaksanaan peperiksaan adalah teratur mengikut garis panduan yang ditetapkan;
 - 9.2.2 mengawal slaid semasa sesi peperiksaan - Seksyen 1: Lisan dan Slaid;
 - 9.2.3 menentukan penggiliran calon semasa pelaksanaan peperiksaan - Seksyen 2 (*Coach Commentary*);
 - 9.2.4 memastikan Laporan Pemarkahan Peperiksaan diterima daripada Panel Pemeriksa dengan serta-merta setelah tamat sesi peperiksaan seperti rujukan di Para 4.7; dan
 - 9.2.5 memastikan dokumen di Para 9.2.4 dan Laporan Pemantauan diserahkan kepada BPI, MOTAC dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh pelaksanaan peperiksaan.

10. SIJIL PENYERTAAN KURSUS

10.1 Tempoh Sah Laku

Tempoh sah laku sijil penyertaan adalah satu (1) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan kepada calon.

10.2 Kehilangan/Kerosakan

- 10.2.1 Calon yang kehilangan atau kerosakan sijil kursus hendaklah memaklumkan kepada pelaksana kursus yang didaftarkan.
- 10.2.2 Pelaksana kursus perlu mengemukakan maklumat yang telah diperakuan seperti berikut kepada BPI, MOTAC:
 - i. nama calon;
 - ii. salinan kad pengenalan calon; dan
 - iii. pengesahan pendaftaran calon bersama pelaksana kursus.

- 10.2.3 Salinan sijil yang diperakui sah oleh MOTAC sahaja akan diberikan bagi mengantikan kehilangan atau kerosakan sijil penyertaan calon.
- 10.2.4 Tempoh penyimpanan sijil penyertaan kursus di MOTAC adalah tujuh (7) tahun dari tahun sijil dikeluarkan.

11. NOTIS PEMBATALAN

- 11.1. Garis panduan ini boleh dipinda dan ditambah baik oleh MOTAC dari semasa ke semasa.
 - 11.2. Garis panduan ini juga hendaklah dibaca bersekali dengan peraturan-peraturan dan arahan rasmi yang telah dan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh MOTAC.
 - 11.3. Jika terdapat sebarang percanggahan arahan atau peraturan bagi butiran atau perkara yang sama di antara kandungan garis panduan ini dengan kandungan garis panduan/arahan/peraturan yang telah dikeluarkan sebelumnya, maka kandungan garis panduan ini hendaklah digunakan.
- 11.1 Garis panduan pelaksanaan Kursus Pengesahan dan Tambahan Bahasa Pemandu Pelancong Berlesen 2020 adalah **dibatalkan**.

12. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa pada 30 Julai 2025.